

Newspaper	Berita Harian
Date	26/1/2013

TV ALHIJRAH

SEGERAKAN SOLAT

Waktu solat

Kawasan	Subuh	Syuruks	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Alor Setar	6:16	7:34	1:33	4:54	7:27	8:40
P. Pinang	6:15	7:33	1:33	4:55	7:29	8:41
Kuala Lumpur	6:08	7:28	1:29	4:50	7:26	8:38
Johor Bahru	5:56	7:17	1:20	4:42	7:20	8:33
Kuantan	6:02	7:22	1:23	4:45	7:22	8:34
Kota Bharu	6:13	7:29	1:26	4:47	7:20	8:29

Katakanlah, sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam.

(Maksud dari Surah al-An'Am 6:162)

Interaktif

5 berita pilihan tertinggi BH-Online:

- Amal kesederhanaan
- Messi bantu Barcelona singkir Malaga 4-2
- NGO harap usah prasangka lawatan ke Gaza
- 'Debaran 30'
- Ibu bapa kanak-kanak hilang tiba di hospital Klang

Bancian BH-Online:

Apakah cara paling berkesan untuk menghalang pelajar daripada berleluasa menggunakan bahasa ringkas atau bahasa SMS ketika menjawab soalan dalam peperiksaan rasmi?

- 18% Wujudkan undang-undang khusus haramkan bahasa SMS di Sekolah/IPT
- 53% Pemeriksa lebih tegas dalam memberi markah peperiksaan
- 12% Guru/pensyarah diberi kuasa denda/hukum pelajar yang guna bahasa SMS
- 16% Haramkan penggunaan telefon bimbit di sekolah/IPT

Cuaca

Kuala Lumpur ☁ 23°C Δ25°C	Tokyo ☁ -2°C Δ6°C
Bangkok ☁ 26°C Δ32°C	Makkah ☁ 22°C Δ35°C
Jakarta ☁ 24°C Δ30°C	Kaherah ☀ 19°C Δ22°C
Manila ☁ 23°C Δ29°C	London ☁ 5°C Δ6°C

FAKTA MENARIK



Secara purata, manusia ketawa 15 kali sehari.

2 NASIONAL

SABTU 26 JANUARI 2013

BH

Utama rakyat bolehkan ekonomi bertahan: PM

BH-26/1/2013

» Kemampuan negara merancang strategi komprehensif

Ahmad Zaini Kamaruzzaman
rencana@bharian.com.my

Davos, Switzerland

Datuk Seri Najib semalam berkata, bahawa ekonomi Malaysia mampu bertahan dan mengalami pertumbuhan positif berikutan dasar kerajaan yang sentiasa melaksanakan pelan komprehensif untuk kepentingan rakyat.

Menurut Perdana Menteri, kemampuan merancang strategi membolehkan Malaysia bangkit semula selepas krisis ekonomi global pada 1997.

Bercakap pada sesi pleno Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini, semalam, beliau berkata, selain pemulihan ekonomi yang kukuh, pengangguran setakat 3.1 peratus mencerminkan kejayaan Malaysia menguruskan ekonominya.

Bukan negara kebajikan


Namun, Najib berkata, Malaysia tidak mahu menjadi negara kebajikan seperti sesetengah negara yang menghadapi masalah pengangguran.

"Kita bangkit selepas menyusun strategi. Kita rancang dan membuat transformasi secara komprehensif," katanya pada sesi pleno bertajuk 'Kelembapan Ekonomi dan Kesannya'.

Ia dikendalikan oleh hos dan pengacara program bisnes serta ekonomi saluran Inggeris al-Jazeera, Kamahl Santamaria.

Panel lain ialah Ketua Pengarah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Guy Ryder; Presiden Iceland, Olafur Ragnar Grimsson; Ketua Eksekutif SAP, Jerman, Jim Hagemann; Ketua Jabatan Kewangan Pusat Ekonomi Antarabangsa China, Li Daoki dan Timbalan Perdana Menteri Turki, Ali Babacan.

WEF adalah forum ekonomi tahunan mengumpulkan pemimpin terkemuka politik, perniagaan dan masyarakat sivil untuk membincangkan pelbagai isu global.



Najib bersama Presiden Persekutuan Swiss, Ueli Maurer selepas sesi pleno WEF, di Davos, semalam. (FOTO BERNAMA)

“Malaysia tidak mahu menjadi negara kebajikan seperti sesetengah negara yang hadapi masalah pengangguran. Kita bangkit selepas menyusun strategi. Kita rancang dan membuat transformasi secara komprehensif”

Najib Razak, Perdana Menteri

Wujud suasana kondusif

Perdana Menteri juga berkata, seperti Malaysia, negara Asia lain perlu mewujudkan suasana kondusif untuk pelabur kerana ia penting untuk membangunkan ekonomi sesebuah negara dan menolak model negara kebajikan.

"Kita perlu menyediakan jaringan keselamatan kerana jika berlaku kelembapan ekonomi, kita boleh pulih tanpa membayar kos kebajikan.

"Kita juga tidak setuju mengambil 'ramuan' daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kerana ia perlu dibayar dengan kerana politik dan sosial," katanya.

'Malaysia Boleh' Mengenai soalan apa yang per-

lu dilakukan untuk membangunkan ekonomi, Najib berkata, Malaysia mempunyai slogan 'Malaysia Boleh' yang menguatkan hasrat dan optimis untuk membuat dasar serta perancangan.

Antara yang penting ialah merombak sistem pendidikan kerana ada yang ketinggalan zaman dan graduan-nya mungkin tidak diperlukan di pasaran.

"Sebagai contoh kita boleh menghasilkan jurutera, tetapi kita juga perlukan jurutera yang mampu melakukan kajian dan pembangunan (R&D)," katanya.

Selain itu, Malaysia mengamalkan dasar mesra pelabur dan sektor swasta dengan menawarkan pelbagai insentif seperti pengecualian cukai.

FORUM EKONOMI DUNIA